

Bantu mahasiswa ceburi bidang keusahawanan

UMS, IPPJ jalin kerjasama

Oleh **HISYAMUDDIN AYUB**

utusansabah@utusan.com.my

UM 30.5.2012 26

KOTA KINABALU 29 Mei - Perkongsian ilmu dan hubungan industri antara universiti serta pihak swasta merupakan langkah terbaik dalam membantu mahasiswa menerokai bidang kerjaya yang bakal ditempuhi.

Menyedari hakikat tersebut, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Seminar Kerjaya dan Keusahawanan Siswa 2012 dengan kerjasama Institut Pembangunan Pengurusan Johor (IPPJ).

Ketua Unit Penyelidikan dan Pembangunan Keusahawanan UMS, Ramraini Ali Hassan berkata, seminar itu amat bermakna kerana ia disertai oleh rakan penganjur dari Johor yang sangat berpengalaman dalam bidang perniagaan.

“Seminar ini amat bermakna kerana ia menandakan kerjasama erat dari segi perkongsian ilmu dan hubungan industri yang sedia terjalin antara UMS dan IPPJ.

“Ia secara tidak langsung diha-

rap menarik minat mahasiswa untuk menceburi bidang keusahawanan dan mengurangkan kadar pengangguran,” katanya di sini hari ini.

Sebanyak tiga kertas kerja dibincangkan pada seminar tersebut melibatkan QSR Brands Bhd., KFC Holdings (M) Bhd., Kumpulan Takaful Ikhlas Sdn. Bhd., Sinar Mustika dan MekanikWang.com.

Ramraini berkata, seminar itu diharapkan meningkatkan minat mahasiswa untuk menceburi bidang perniagaan dan menghakis mentaliti ‘makan gaji’ yang sangat tinggi di kalangan mahasiswa.

Tambahnya, pendedahan awal menerusi seminar itu membolehkan golongan mahasiswa meningkatkan ilmu pengetahuan masing-masing sebelum terjun ke dalam bidang yang mencabar itu.

“Ia juga salah satu inisiatif melahirkan modal insan intelektual, memiliki nilai keusahawanan dan seterusnya bertindak sebagai pemangkin kepada transformasi negara kepada ekonomi berpendapatan tinggi,” katanya.



ANTARA pelajar yang menyertai pada Seminar Kerjaya dan Keusahawanan Siswa 2012 di Dewan Resital, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, semalam. - UTUSAN/AZRUL EDHAM MOHD. AMINUDDIN